

Headline	2,000 penduduk Senggarang serbu Jualan Sentuhan Rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	18 Apr 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,413



Haliza (dua, kiri) ketika bermesra dengan pelanggan yang datang pada Jualan Sentuhan Rakyat.

2,000 penduduk Senggarang serbu Jualan Sentuhan Rakyat

BATU PAHAT - Penduduk di kawasan Senggarang berpeluang untuk membeli barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan dalam Jualan Sentuhan Rakyat Parlimen Batu Pahat.

Ketua Wanita Umno Bahagian Batu Pahat, Haliza Abdullah berkata, program jualan berkenaan diadakan di tiga kawasan Dun dalam Parlimen Batu Pahat iaitu Penggaram, Senggarang dan Rengit.

Menurutnya, bagi yang terkini seramai 2,000 orang membanjiri pekan Senggarang dengan jualan berkenaan dilaksanakan di kawasan terbabit,

"Penduduk yang hadir dapat beli beras,

ayam, tepung, minyak masak dan pelbagai lagi dengan harga yang berpatutan.

"Kita akan melaksanakan program ini secara berterusan iaitu dua kali untuk sebulan yang ia akan dapat membantu meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Haliza berkata, untuk program jualan kali ini, pihaknya mendapat kerjasama daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), Syarikat Faiza, Pasaraya Fesh Hub dan Fama.